



**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : <b>MPK/JK/PR 23/2016</b> KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIAR KAKI, BATU BEBENDUL, DAN 'SCUPPER DRAIN' DI JALAN PASAR, JALAN POS BAHARU, JALAN BAHARU , LORONG BATU TIGA DAN LINTANG BATU TIGA, JALAN PASAR, LORONG RAJA HASSAN, JALAN RAJA HASSAN , SUSUR PERSIARAN SULTAN IBRAHIM, PUSAT BANDAR KLANG UTARA.
2	No. Tender : <b>MPK/JK/PR 65/2016</b> KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN AMAN PERDANA 9A,9B,9C,9D,9E,9F,9G,9H,9J,11A,11B,11C,11D,11E,11F,11G,11H,11J, TAMAN AMAN PERDANA, KLANG UTARA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.
3	No. Tender : <b>MPK/JK/PR 69/2016</b> KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SECARA 'MILL AND PAVE' DI JALAN PERIGI NANAS 8/7, 8/9,8/11, 8/12, 8/13, 8/14 DAN 8/15, KAWASAN PERINDUSTRIAN PULAU INDAH SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.
4	No. Tender : <b>MPK/JK/PR 76/2016</b> KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN PERSIARAN SERAYA , SEBAHAGIAN JALAN SUSUR PERSIARAN SERAYA, LORONG BELAKANG JALAN BAGOR, LORONG - LORONG TEPI LINTANG AGAR-AGAR, KLANG SELATAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.

TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<b>KOD BIDANG BARU : BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G4</b> KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN CE01 & CE21 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)	<b>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b> <b>TAKLIMAT :</b> <b>TARIKH 05/04/2016 (SELASA)</b> <b>MASA PENDAFTARAN :</b> <b>8.00-10.00 pg</b> <b>MASA TAKLIMAT : 10.00 pg</b> <b>TEMPAT : Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang</b> <b>Nota :</b> Dokumen Tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.	<b>MULAI : 05/04/2016 (SELASA)</b>  Penjualan secara Online  <b>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web <a href="http://tender.selangor.gov.my">http://tender.selangor.gov.my</a> untuk melancarkan proses pembelian dokumen.</b>	<b>TARIKH TUTUP : 26/04/2016 (SELASA)</b>  Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan  <b>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b>

**SYARAT-SYARAT :-**

- Setiap dokumen Tender dijual dengan harga RM 60.00 secara online. Pembayaran boleh dibuat secara kredit kad dan debit kad.
- Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **05 APRIL 2016** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
- Petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Tender dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan Kementerian Kewangan (**MOF**). Sekiranya gagal berbuat demikian Petender adalah tidak layak untuk membeli dokumen Tender tersebut.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Wakil yang hadir ke taklimat perlu membawa surat wakil dari syarikat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
- Petender diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
- Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **05 APRIL 2016** jam 10.00 pagi di Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat. **Pendaftaran selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan.**
- Petender yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.
- Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** atau **SALINAN** Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) oleh **CIDB**, Unit Perancang Ekonomi Selangor (**UPEN**) dan Resit pembayaran **E-Tender Selangor** semasa hari taklimat.
- Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
- Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **25 APRIL 2016**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi BAHAGIAN UKUR BAHAN di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :  
 BAHAGIAN UKUR BAHAN